

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

# Suntikan dos penggalak kedua dapat sambutan

Pemberian secara datang terus, janji temu di PPV Pavillion Bukit Jalil

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemberian suntikan dos penggalak kedua vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pavillion Bukit Jalil di sini, menerima sambutan menggalakkan daripada orang ramai sejak pagi kelmarin.

Tinjauan *BH* mendapati, pemberian pelalian itu dibuat secara datang terus (*walk-in*), selain ada penerima yang hadir mengikut slot janji temu masing-masing.

Keadaan itu menyebabkan orang ramai beratur panjang bagi mendapatkan giliran untuk menerima suntikan pelalian berkenaan.

Ia dipercayai sebagai persediaan bagi golongan berisiko menghadapi sebarang kemungkinan berikutan trend jangkitan semasa COVID-19 ketika ini mencatatkan peningkatan.

Selasa lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata, individu sihat berusia 50 hingga 59 tahun kini boleh menerima dos penggalak kedua vaksin COVID-19, jika mereka memilih berbuat demikian bagi perlindungan daripada risiko penyakit teruk.

Lima kumpulan lain yang layak menerima dos penggalak kedua adalah individu berusia 60 tahun ke atas dengan atau tanpa komorbiditi berisiko tinggi serta mendapat saranan daripada pengamal perubatan.



Orang ramai beratur bagi menerima suntikan dos penggalak kedua COVID-19 di Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Azhar Ramli/BH)

Selain itu, warga emas mendiami fasiliti penjagaan jangka panjang, individu berusia 18 hingga 59 tahun yang berisiko tinggi dan petugas barisan hadapan.

#### 4,816 jangkitan semalam

Sementara itu, portal COVIDnow melaporkan, kes COVID-19 di negara ini direkodkan sebanyak 4,816 kes, semalam.

Perkembangan terkini itu menjadikan jumlah kumulatif kes berkenaan meningkat kepada 4,648,931 kes, sejak pandemik COVID-19 melanda Malaysia, pada Mac 2020.

Perkongsian sama turut mem-

perincikan sebanyak 4,814 daripada keseluruhan jangkitan harian itu adalah kes penularan tempatan, manakala dua lagi ialah kes import.

Sehingga kini, sebanyak 49,547 atau 96.7 peratus kes COVID-19 masih aktif, masing-masing membabitkan 47,932 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah, manakala 1,535 kes atau 3.1 peratus sedang mendapatkan rawatan di hospital.

Hanya 0.1 peratus iaitu 28 individu dijangkiti COVID-19 berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan, manakala 21 individu dirawat di unit sama tetapi

tidak bergantung kepada alat berkenaan.

Angka kematian akibat COVID-19 turut meningkat kepada 35,911 kes dengan pertambahan sembilan kes kematian termasuk satu yang meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Negara ketika ini mencatatkan sebanyak 7,623 kes BID atau individu meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Mengenai kes sembuh jangkitan berkenaan, data menunjukkan setakat semalam, sebanyak 3,928 kes, menjadikan sehingga kini 4,563,473 kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

# Sembilan lagi kematian

## *Kes Covid-19 kekal melepasi angka 4,000*

Oleh Noor Atiqah  
Sulaiman  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**K**es Covid-19 di negara ini kekal dalam lingkungan melebihi 4,000 dengan 4,816 kes dilaporkan kelmarin.

Menerusi laman sesawang Covidnow, pertam-

bahan kes baharu itu menjadikan sehingga kini jumlah individu yang dijangkiti bertambah kepada 4,648,931 kes.

Kes baharu membabitkan 4,814 kes penularan tempatan dengan dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Sehingga kini terdapat 49,547 kes Covid-19 yang aktif. Daripada jumlah itu

96.7 peratus bersamaan 47,932 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah manakala 1,535 kes atau 3.1 peratus mendapatkan rawatan di hospital.

Kes kematian turut meningkat kepada 35,911 kes dengan pertambahan sembilan kes korban termasuk satu yang meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

## Buli di tempat kerja tingkat risiko kesihatan, lemahkan prestasi

**KUALA NERUS** - Kes buli di tempat kerja menyumbang kepada pelbagai masalah termasuk peningkatan risiko kesihatan dan melemahkan prestasi kerja, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurutnya, buli di tempat kerja berlaku dalam pelbagai bentuk seperti hasil kerja dicuri atau disabotaj, dimalukan atau dipulaukan rakan sepejabat.

"Semua pihak perlu lebih memahami dan menghayati bahawa perbuatan buli bukan sahaja boleh berlaku terhadap pelajar sekolah dan universiti, malah orang dewasa dan berkerjaya pun tidak terkecuali menjadi mangsa.

"Buli di tempat kerja juga mungkin melibatkan ugutan, gosip, jenaka yang menyinggung perasaan dan memperkecilkan (seseorang individu)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian Seminar Psikologi Kesihatan (PSYCHE 1.0): Hentikan Buli! Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022 yang dibacakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani Embong di sini pada Ahad.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun bukan secara fizikal, gejala buli yang dilakukan melalui pertuturan dan gangguan emosi boleh mendatangkan

kecederaan kepada emosi seseorang.

"Apa yang mengejutkan, Malaysia berada di tangga keenam tertinggi di dunia dan kedua di Asia dalam masalah buli terutamanya dalam buli siber.

"Mungkin juga ramai pembuli tidak tahu bahawa sebarang kandungan berniat jahat di internet dengan tujuan mengganggu, memprovokasi, mengancam atau menyalah guna adalah suatu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," jelasnya.

Sementara itu, menurut Dr Kasemani, Seminar PSYCHE 1.0 selama dua hari bermula Ahad merupakan anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrab) dengan kerjasama Persatuan Psikologi Pantai Timur (PSITIM).

Beliau berkata, sebanyak 200 penyertaan dibuka melibatkan pelbagai latar belakang yang mengambil berat berkenaan kejadian jenayah buli berla-

ku di mana sahaja.

Jelasnya, antara matlamat seminar itu adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan menghentikan budaya buli yang ada dalam masyarakat sekarang sama ada buli di sekolah, tempat kerja atau jalan raya.

"Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya mendapatkan perkhidmatan secara profesional apabila berhadapan dengan isu kesihatan mental yang disebabkan oleh kesan buli," ujarnya. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Dr Kasemani (tengah) bersama pelajar menunjukkan simbol henti buli selepas perasmian Seminar Psikologi Kesihatan (PSYCHE 1.0): Hentikan Buli! pada Ahad.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : NEGERI

## Sekolah menengah catat jangkitan pernafasan tertinggi

IPOH - Sekolah menengah mencatatkan jumlah tertinggi bagi kes jangkitan saluran pernafasan di negeri Perak sehingga 21 Julai 2022.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal Kamarudin berkata, daripada 48 kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan itu di negeri ini, 40 daripadanya melibatkan sekolah menengah iaitu 83.3 peratus.

Menurut beliau, jumlah itu diikuti masing-masing satu wabak di sekolah rendah, prasekolah, pondok pengajian agama, dan pusat latihan perindustrian



MOHD AKMAL

serta empat wabak lagi berlaku di lain-lain lokaliti.

"Sehingga 21 Julai 2022, sebanyak 44 wabak telah tamat, manakala, empat wabak jangkitan saluran pernafasan di sekolah menengah masih aktif.

"Setakat ini, tiada kematian berkaitan wabak jangkitan saluran pernafasan yang dilaporkan," katanya menerusi kenyataan di Facebook pada Ahad.

Sementara itu, Mohd Akmal berkata, sebagai langkah pencegahan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak mengingatkan orang ramai agar melakukan beberapa tindakan seperti kerap membasuh tangan dengan, sabun atau pensanitasi tangan, menggunakan pelitup muka dan sebagainya.

Menurutnya, jika bergejala, pesakit perlu berehat di rumah dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai atau mendapatkan rawatan segera sekiranya gejala bertambah teruk.

Jelasnya, JKN Perak akan terus memantau situasi dan trend kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan di negeri ini.

Beliau berkata, pihaknya juga sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi memastikan langkah-langkah kawalan dan pencegahan dijalankan sewajarnya.

**Kenyataan  
Mohd  
Akmal  
berhubung  
kes  
jangkitan  
saluran  
pernafasan  
di Perak.**

**Akmal Haji Kamarudin**  
24 m

**SITUASI SEMASA KEJADIAN WABAK JANGKITAN SALURAN PERNAFASAN DI NEGERI PERAK**

Sehingga 21 Julai 2022, sebanyak 48 kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan di negeri Perak telah dilaporkan.

Daripada jumlah tersebut, sekolah menengah melaporkan kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan yang tertinggi iaitu sebanyak 40 wabak jangkitan (83.3%).

Ini diikuti oleh masing-masing satu wabak di sekolah rendah, pra sekolah, pondok pengajian agama, dan pusat latihan perindustrian, serta empat wabak lagi berlaku di lain-lain lokaliti (8.3%).

Sehingga 21 Julai 2022, sebanyak 44 wabak telah tamat. Manakala, empat wabak jangkitan saluran pernafasan di sekolah menengah masih aktif.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kekurangan bekalan ubat-ubatan 'rakyat' sehingga akhir 2022

**PETALING JAYA:** Kekurangan bekalan 'ubat-ubatan rakyat' seperti untuk demam, ubat batuk, ubat alahan dan tahan sakit di pasaran dijangka berterusan sehingga akhir tahun ini berikutan permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat negara ini.

Masalah kekurangan bekalan itu berlaku disebabkan masyarakat ketika ini berdepan gelombang atau masalah kesihatan yang bertimpa-timpa bermula dengan Covid-19, gejala penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) dan terkini Influenza-Like-Illness (ILI).

Situasi berkenaan sekali gus menyebabkan permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat dan pihak pembekal juga buat masa ini tidak dapat menampung keperluan sehingga menyebabkan kekurangan ubat-ubatan tersebut di pasaran di seluruh negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, masalah kekurangan bekalan ubat-ubatan seperti demam, ubat batuk dan alahan sebenarnya telah berlarutan sejak Oktober tahun lalu.

"Untuk isu kekurangan ubat-ubatan di pasaran, kita telah berbincang dengan Kementerian Kesihatan dua minggu lalu yang turut disertai pelbagai pihak seperti pengilang, pembekal, bahagian farmasi, doktor dan pertubuhan bukan kerajaan

(NGO) kesihatan.

"Dalam mesyuarat itu, kami dimaklumkan masalah bekalan akan selesai dalam masa dua bulan. Tetapi saya tidak yakin dan menjangkakan masalah ini akan berterusan sehingga akhir tahun ini kerana gelombang penyakit yang berterusan.

"Keadaan lebih sukar kerana selepas Covid-19, kita berhadapan dengan HFMD dan selepas itu ILI pula. Hal ini menyebabkan berlakunya permintaan yang tinggi dan luar biasa sehingga menyebabkan bekalan ubat-ubatan di pasaran terputus," katanya.

Beliau mengulas isu kekurangan bekalan ubat-ubatan dan bahan mentah bagi produk farmaseutikal yang dikatakan melibatkan ubat-ubatan untuk rawatan demam, selesema dan batuk, sakit tekak dan ubat tahan sakit.

Mengulas lanjut, Amrahi berkata, perlu ada pendekatan yang bersepadu untuk menyelesaikan isu kekurangan ubat-ubatan di pasaran kerana apa yang berlaku di Malaysia ketika ini adalah luar biasa dan tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Apabila kita bercakap tentang selesema, memang ia berlaku setiap tahun cuma, kali ini lebih teruk. Di Malaysia kita dilihat kurang serius untuk memberikan vaksin kepada golongan dewasa kecuali vaksin Covid-19. Perkara ini perlu dibuat dahulu lagi," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION



A customer using an e-wallet application to pay his bill at a Kuala Lumpur restaurant. FILE PIC

## CURBING GRAFT

## Govt hospitals go cashless in October

**KUALA LUMPUR** All Health Ministry facilities will go cashless from Oct 1.

Payments can be made using debit and credit cards, and e-wallet applications on smartphones.

Cash will be allowed only if a patient does not have any e-payment platform or bank account.

In a circular dated June 21, ministry secretary-general Datuk Harjeet Singh said the move was in line with the ministry's Anti-Corruption Plan 2021-2022 for cashless payment at its facilities to prevent leakages in government revenue.

The move was also in line with the 2021 Malaysian Digital Economy Blueprint, which had stipulated that all federal and state government agencies must use cashless payment by this year.

"Cashless payment at Health Ministry facilities is expected to bring positive outcomes.

"Among them are reducing the risk of leakage of public money


and improving the efficiency of revenue management at the counter, which is faster, easier and safer.

"It is also to reduce costs and work process in revenue collection at the *pusat tanggungjawab* (PTJ, or point of responsibility) level and to reduce the risk of Covid-19 infection at the payment counter."

The circular stated that state Health Departments must ensure smooth cashless payments at their facilities.

"These include identifying PTJs for the implementation of cashless payment using terminal-point-of-sale (TPOS) and DuitNow; identifying the number of counters that need to be equipped with TPOS, and ensuring the person in charge at the counter is trained to use TPOS.

"State Health Departments must ensure that 95 per cent of transactions at their facilities are cashless."



People queuing to enter the Pavilion Bukit Jalil mall in Kuala Lumpur to get their second booster dose of the Covid-19 vaccine yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

## 9 DEATHS NATIONWIDE

## COVID-19 CASES SPIKE IN SELANGOR

State logs 2,249 of 4,816 total cases on Saturday

NOR AIN MOHAMED RADHI  
**KUALA LUMPUR**  
news@nst.com.my

**S**ELANGOR saw a big jump in new Covid-19 cases on Saturday to 2,249, from 857 on Friday.

There was also a spike in cases nationwide to 4,816 on Saturday, almost a thousand more from the 3,880 logged on Friday.

According to the Health Ministry's CovidNow portal, the case tally was now 4,648,931.

Of the fresh cases, 4,814 were local transmissions and two were imported.

Kuala Lumpur reported 1,031 cases, followed by 324 in Perak, 243 in Sabah, 214 in Negri Sembilan, 186 in Penang, 117 in Melaka, 115 in Kedah, 85 in Johor, 65 in Putrajaya, 56 in Pahang, 53 in Sarawak, 32 in Kelantan and 19 in Terengganu.

Labuan and Perlis reported 18 and nine cases, respectively.

Nine deaths were reported on Saturday, including one brought in dead (BID) to hospital. The death toll is 35,911, of which 7,623 were BID.

The ministry reported 3,928 recoveries on Saturday, bringing the number of active cases to 49,547.

Of the total, 47,932 people were under home quarantine and 1,535 were hospitalised.

There were 49 patients in intensive care units (ICU), of which 28 required ventilator support.

The percentage of hospital facilities reserved for Covid-19 patients in use are 68 per cent of hospital beds, 61.9 per cent of ICU beds, 41.9 per cent of ventilators and 26 per cent quarantine centres.

Meanwhile, 1,474,627 children aged 5 to 11 have been fully vaccinated under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids).

A total of 2,887,911 adolescents aged 12 to 17 have received two doses of the vaccine, while 45,377 have received their first booster dose.

For those 18 and above, 16,128,051 have received their first booster dose up to Saturday, and 277,063 have received their second booster dose.

The number of vaccine doses administered in the country is 71,714,777.